

# 80 staf dan pelajar UMSKAL sertai

## Bengkel Pegawai Perhubungan Awam

UB 22.11.2014 B13

LABUAN : Seramai 80 staf dan pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menghadiri Bengkel Pegawai Perhubungan Awam (LO) dan Sukarelawan sempena Sukan Persahabatan BIMP-EAGA ke-8 2014.

Bengkel sehari yang diadakan di Bilik Kuliah, Dewan Kuliah Pusat itu dikendalikan oleh Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Negeri Sabah, Terrance Edward Pudin.

Turut hadir Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan, Zaini Abdul Aziz dan Pegawai Belia dan Sukan Kanan UMSKAL, Gabriel Moinjil.

Latihan dalam kumpulan (LDK) pula dikendalikan oleh Christal dari MSN Sabah.

Gabriel yang juga Pengurus Jawatankuasa Delegasi & Koordinasi Event sempena BIMP-EAGA ke-8 berkata, bengkel itu diadakan bagi pemantapnilmupengetahuan dan pengalaman L.O. dan sukarelawan dari UMSKAL untuk membantu melicinkan penganjur BIMP-EAGA pada tahun ini.

Beliau berharap semua staf dan pelajar akan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi bukan sahaja untuk melancarkan kejohanan sukan lima hari itu tetapi juga menjaga nama baik UMSKAL, Wilayah Persekutuan Labuan dan negara amnya.

Gabriel yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menasihatkan semua

petugas menambah ilmu mengenai sukan itu dan profil negara terbabit untuk memastikan BIMP-EAGA 2014 berjalan lancar.

Sebanyak 15 kontingen dari empat buah negara iaitu Brunei, Indonesia, Filipina dan Malaysia yang diwakili Sabah, Sarawak dan Labuan akan menyertai 10 acara sukan sempena Sukan Persahabatan BIMP-EAGA pada 6-10 Disember 2014 di Wilayah Persekutuan Labuan.

Lebih 800 atlet akan beraksi dalam 10 acara iaitu boling padang, sepak takraw, futsal, bola tampar pantai, seni pertahanan diri (pencak silat seni), bola sepak, olahraga, memanah, badminton dan golf VIP yang menawarkan 65 pingat emas.

BIMP-EAGA adalah

singkatan bagi Kawasan Pertumbuhan Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina.

Sementara itu, Zaini berkata walaupun Wilayah Persekutuan Labuan baru pertama kali menjadi pengajur Sukan BIMP-EAGA, beliau yakin dengan kemampuan semua petugas termasuk sukarelawan dan LO dari UMSKAL.

Beliau berharap semua jabatan dan agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan warga Labuan akan bekerjasama membantu Perbadanan Labuan yang diterajui Pengurusinya, Datuk Rozman Isli menjayakan Sukan BIMP-EAGA ke-8 kerana ianya menggambarkan komitmen dan kerjasama erat semua pihak berkenaan.



TERRANCE (empat kanan) dan Gabriel (5 kiri) bersama staf dan pelajar UMSKAL yang menghadiri Bengkel Pegawai Perhubungan Awam BIMP-EAGA.